

*Bab Enam*

## BAB KEENAM

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 6.1. Pengenalan

Kajian ini difokuskan kepada aspek penyelesaian pertikaian keluarga melalui suhl dalam tuntutan yang berbangkit dari perceraian. Dengan demikian, perbincangan yang menyentuh beberapa aspek berkaitan dengan fokus tersebut telah diberikan tumpuan bagi memperlihatkan apakah trend yang ada dalam amalan suhl bagi tuntutan-tuntutan yang berbangkit dari sebuah perceraian. Perbincangan yang lalu telah menghasilkan beberapa kesimpulan yang boleh dijelaskan seperti di bawah:

#### 6.2. Konsep Suhl dan Pensejarahan

Untuk mengenalpasti realiti amalan suhl kekeluargaan yang berlaku, beberapa konsep asas tentang suhl mestilah diteliti. Untuk tujuan tersebut sorotan dan penganalisisan telah dibuat di dalam kajian ini terhadap konsep suhl secara umum dan pemakaianya dalam konteks kekeluargaan secara khusus. Sorotan terhadap aspek-aspek tersebut dilihat sebagai penting untuk dijadikan asas dan landasan kepada perbincangan seterusnya.

Perbincangan tentang konsep suhl adalah penting untuk dilihat kerana suhl telah berfungsi sebagai instrumen penting dalam sistem pengadilan Islam. Kedudukan ini boleh dilihat secara jelas sejak zaman sebelum kedatangan Islam sehingga kini sekarang.

Pengenalpastian tentang konsep suluh secara umumnya dan pengamalannya dalam konteks pertikaian keluarga secara khususnya telah memperlihatkan bahawa suluh telah pun wujud sepenjak zaman Rasulullah s.a.w, malah sebelum dilantik menjadi Rasul amalan tersebut telah pun dipraktikkan dalam pertikaian-pertikaian yang dirujuk kepadanya. al-Qur'an kemudiannya melalui ayat 128 surah *al-Nisā'*, ayat 9 surah *al-Hujurāt* dan beberapa ayat lain telah melegitimasi disebabkan adanya unsur atau nilai-nilai yang positif dan konstruktif. Ayat-ayat ini merupakan sumber asas di dalam al-Qur'an tentang pengamalan suluh. Ia diperjelaskan lagi oleh hadith-hadith Rasulullah s.a.w dan *āthār al-saḥābah*. Semua pernyataan ini pada hakikatnya memperkuatkan autoriti suluh sebagai metod dalam menyelesaikan pertikaian.

Konsep umum suluh yang dijelaskan oleh al-Qur'an dan hadith telah diperincikan oleh para juris dalam penulisan-penulisan mereka. Pembicaraan tentang konsep suluh dan segala yang berkaitan denganannya menunjukkan amalan ini mengandungi elemen-elemen, ciri-ciri, limitasi, objektif dan keistimewaan yang tersendiri.

Kesimpulannya, suluh merupakan satu kontrak di antara pihak-pihak bertikai untuk menamatkan pertikaian secara damai. Antara elemen penting untuk menentukan pengamalan suluh yang menepati kehendak syarak ialah:

1. Akad sulu yang merangkumi *sighah ijāb* dan *qabūl* sebagai asas kepada kontrak sulu dan ia merupakan akad yang lazim<sup>1</sup> (keputusan yang dibuat melalui sulu mengikat ke dua-dua pihak kepada persetujuan tersebut) ia bermaksud salah satu pihak dalam kontrak tersebut tidak boleh memfasakhkan atau menarik kembali akad yang sudah dimeterai kecuali kedua-dua pihak yang berkontrak bersetuju untuk membatalkan akad tersebut. Meskipun demikian pihak-pihak dalam proses sulu boleh menarik diri dari proses tersebut sebelum keputusan dibuat kerana akad dan implikasinya belum ada.<sup>2</sup>

Akad sulu ialah kontrak yang memerlukan keredhaan atau persetujuan bersama kedua-dua pihak bagi menamatkan pertikaian. *Sighah* iaitu *ijāb* dan *qabūl* menjadi bukti kepada adanya keredhaan tersebut. Ini bermakna sesuatu penyelesaian secara sulu mestilah berlaku atas inisiatif dari pihak-pihak yang terlibat. Sulu tidak akan dikira sah jika salah satu pihak menganjurkan sulu tetapi tidak dipersetujui oleh pihak yang satu lagi. Begitu juga sulu tidak dikira sah jika pihak ketiga menganjurkan sulu dan usaha itu ditolak oleh pihak-pihak bertikai atau ditolak oleh satu pihak sahaja. Oleh yang demikian sulu boleh terlaksana dalam konteks berikut:

1. Jika dianjurkan oleh pihak-pihak yang bertikai
2. Jika dianjurkan oleh salah satu pihak dan diterima oleh pihak yang satu lagi
3. Jika dianjurkan oleh pihak yang ketiga (pengantara) dan diterima oleh pihak-pihak bertikai.

<sup>1</sup>la berdasarkan firman Allah ﴿أَوْفُوا بِالْمُؤْمِنِينَ﴾ dan sabda Rasul s.'a.w ﴿الْمُسْلِمُونَ عَلَىٰ شَرِطِهِمْ﴾

<sup>2</sup>Naziyyah Hammad (1996), 'aqd al-Sulu fi al-Syari'ah al-Islāmiyah, cet. 1, Damsyiq: Dār al-Qalam, h.90

Dalam konteks ini, suhu tersebut adalah sah kerana ia memenuhi syarat persetujuan pihak-pihak yang terlibat dalam pertikaian.<sup>3</sup>

2. Unsur kompromi melalui pelepasan keseluruhan atau sebahagian hak yang dipertikaikan atau melalui gantian kepada hak yang dipertikaikan yang mesti ada seiring dengan keredhaan untuk menamatkan pertikaian secara damai dan adanya pertikaian sebagai asas suhu .

Di samping itu, untuk memastikan kesahan amalan suhu, ia mestilah dilakukan dalam limitasi yang diharuskan oleh syara' iaitu tidak menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal. Dalam hal ini, Rasulullah s.a.w telah bersabda:<sup>4</sup>

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ (ص) قَالَ الصُّلُحُ جَائزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ إِلَّا صُلْحًا حَرَامًا أَوْ أَحْلًا حَرَامًا

"Suhu itu dibenarkan antara sesama muslim kecuali suhu yang dibuat bagi menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal".

Oleh yang demikian suhu diharuskan dalam semua perkara tetapi mestilah dalam kerangka tidak menghalalkan yang haram dan tidak mengharamkan yang halal. Dalam konteks kekeluargaan, suhu berlaku dalam dua keadaan iaitu semasa perkahwinan dan selepas perceraian. Suhu semasa perkahwinan bertujuan mendamaikan kembali pasangan yang bermasalah supaya kembali hidup secara damai dalam rumah tangga. Manakala suhu selepas perceraian bertujuan menyelesaikan pertikaian yang mungkin berbangkit dari perceraian itu.

<sup>3</sup> Artikel 1531 *Majallah al-Ahkām al-'Adliyyah*

<sup>4</sup> al-Tirmidhi (t.t) op.cit., Kitāb al-'Aḥkām, bab no. hadis 1352 ما ذكر عن رسول الله (ص) في الصلح بين الناس

Meneliti peruntukan sulu di bawah seksyen 87 EKPMS(S) 1991 (sek.99 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003), jelas bahawa ia tidak bertentangan dengan hukum syarak, suatu yang agak ringkas dan sukar untuk diperaktikkan. Walau bagaimanapun, kekurangan ini di atasi dengan penggubalan KTM(S)S 2001, yang menjelaskan tentang kaedah yang perlu diikuti dalam melaksanakan sulu. Meskipun begitu, peruntukan KTM(S)S 2001 tidak memberikan gambaran yang jelas tentang pemakaian sulu dari sudut hukum Syarak. Perkara-perkara berkaitan syarat, rukun, kes yang boleh boleh dibuat sulu serta perkara-perkara yang boleh menafikan kesahan sesuatu sulu adalah aspek-aspek yang perlu diperjelaskan secara terperinci. Oleh kerana itu, kajian ini dilakukan bagi memberikan gambaran yang jelas tentang aspek-aspek berkenaan.

Pengenalpastian dari perspektif sejarah pula membuktikan sulu telah pun diamalkan pada zaman sebelum kedatangan Islam. Malah Nabi Muhammad s.'a.w, sebelum baginda dilantik menjadi Rasul telah menjadi pengantara dalam banyak pertikaian yang dirujuk kepadanya.<sup>5</sup> Setelah dilantik menjadi Rasul, amalan ini terus diperaktikkan oleh Baginda s.'a.w. Dalam setiap pertikaian tersebut, Baginda lebih cenderung untuk menyelesaikannya secara damai dari memutuskan hukuman berdasarkan siapa yang salah atau benar.<sup>6</sup>

Menelusuri sulu dari perspektif sejarah juga memperlihatkan bahawa ia telah mengalami perubahan dan perkembangan dalam pelaksanaannya. Sistem pengadilan

<sup>5</sup> Contohnya dalam kes perletakan *Hajar al-Aswad*, dalam pertikaian di antara Kabilah-kabilah 'Aws dan Khazraj di Madinah. Lihat M. Khadduri (1955), *War and Peace in the Law of Islam*, Baltimore: The John Hopkin Press, h. 205, 233

<sup>6</sup> Lihat hadith Rasulullah dalam kes al-Zubayr dan seorang lelaki Anṣār dalam bab kedua.

Islam bermula dengan zaman Rasulullah s.'a.w dan seterusnya masa pemerintahan Khulafa' al-Rāsyidīn, dinasti Umawiyyah dan 'Abbasiyah, masa peralihan politik, zaman 'Othmaniyyah, zaman penjajahan dan seterusnya masa kini. Pada zaman khulafa' al-Rāsyidīn, suhūl mendapat kedudukan yang istimewa apabila Sayyidina 'Umar memuatkannya dalam *Risālah al-Qaḍā'* yang akhirnya menjadi panduan kepada para kadi dalam menjalankan tugas mereka. Namun demikian, pada zaman-zaman selepasnya, fungsi suhūl tidak begitu ditonjolkan. Walau bagaimanapun ini tidak bermaksud bahawa fungsinya sudah termansukh pada ketika itu, cuma ia mengalami kemerosotan kerana institusi kadi sudah semakin mantap.

Dalam period-period terakhir iaitu pada masa pemerintahan 'Othmaniyyah merupakan masa yang sudah dipengaruhi oleh undang-undang yang diambil dari barat dan penjajah. Kerana itulah apabila *khilāfah* 'Othmaniyyah jatuh pada tahun 1335H dan kebanyakan negara-negara dunia Islam berada di bawah kekuasaan penjajah maka, sisa-sisa pelaksanaan hukum Islam mulai dibasmi dan diganti dengan undang-undang barat.

Keadaan ini memperlihatkan bagaimana pada tahun 1926, negara Turki secara rasmi mengumumkan pemakaian Undang-undang Swiss dan seterusnya mengugurkan pemakaian *Majallah al-Aḥkām al-'Adliyyah* dan seluruh bentuk-bentuk Undang-Undang Islam yang telah pun menjadi undang-undang asas dalam tempoh yang lama.

Pada hakikatnya, penjajah bukan sahaja melaksanakan undang-undang di negara-negara yang dijajah mereka, malah mereka turut memaksa pemakaian kaedah

penghakiman berasaskan kaedah perbicaraan. Keadaan ini menampakkan bagaimana kaedah perbicaraan mula mendominasi sistem penghakiman Islam dan secara tidak langsung mengenepikan kaedah-kaedah penyelesaian secara tidak formal seperti *tahkim* dan konsiliasi.

Setelah beberapa lama menggunakan kaedah perbicaraan, dalam beberapa dekad terakhir iaitu sekitar tahun-tahun 70an pengamal undang-undang serta masyarakat mula menyedari kelemahan yang timbul dari sistem pengadilan yang berkonsepkan "permusuhan" (*adversarial*).<sup>7</sup> Antara isu utama yang sering berbangkit dari sistem pengadilan berasaskan perbicaraan ialah masalah tunggakan kes-kes yang seterusnya menyebabkan masalah-masalah lain timbul, seperti keperluan kepada kos perbicaraan yang tinggi, pembaziran masa, gangguan emosi dan ketidakpuasan hati terhadap keputusan penghakiman. Keadaan ini bukan sahaja disedari oleh masyarakat di dunia Islam bahkan ia turut dirasai juga oleh masyarakat di negara-negara barat. Malah fenomena ini pada peringkat awalnya muncul di negara-negara barat.

Mereka kemudiannya mula mencari alternatif kepada kaedah perbicaraan dan ia menyebabkan munculnya kaedah-kaedah seperti mediasi, konsiliasi, konsultasi dan arbitrasi, sehingga akhirnya bidang ini berkembang sebagai satu disiplin ilmu yang dikenali sebagai penyelesaian pertikaian alternatif (ADR). Kerana itulah, jika disoroti

<sup>7</sup>Intipati sistem *adversarial* ini adalah kedua-dua pihak (plaintif dan defendant dalam kes mal, dan pendakwa dan tertuduh dalam kes jenayah) dianggap atau dilihat sebagai *adversaries* (musuh atau seteru) dan mereka ini akan berjuang antara satu sama lain, manakala hakim bertindak selaku *umpire* (pengadil) yang tidak berat sebelah, dan tidak dibenarkan (kecuali dalam hal tertentu sahaja) untuk turun ke gelanggang. Di bawah sistem *adversarial* ini, pastinya pihak yang lebih gagah, lebih kuat, lebih pintar, lebih bermaya, akan menang, manakala pihak yang lemah, tidak begitu pintar mengemukakan keterangan dan berhujah, kurang pengalaman, akan kalah.

Lihat Lim Lei Theng dan Carol Liew (1999) *op.cit.*, h. 40, lihat juga Ranjan Chandran, *Mediation: "Charting The Right Course For The New Milleneum"* INSAF (1999) XXVII No.3. Lihat juga Syed Khalid Rashid (2002), *op.cit.*, h.12-13 dan Mohammed Abu Nimer (1996), *op.cit.*, h. 25-27

literatur dalam bidang penyelesaian pertikaian alternatif, kebanyakannya ditulis dan dihasilkan oleh para sarjana barat berbanding sarjana-sarjana Islam.<sup>8</sup>

Senario ini menyebabkan negara-negara seperti Australia, New Zealand, Kanada, Amerika dan England mula mengaplikasi kaedah-kaedah seperti mediasi, arbitrasi dan konsiliasi sebagai alternatif kepada perbicaraan. Seperti yang disebut oleh Aida Othman:<sup>9</sup>

*"The ADR movement strives to established methods that will complement and/or replace litigation as the ultimate mode for resolving disputes. One of its major aims in so doing is to alleviate the near-universal complaints of sluggishness and backlog levelled at the court system. Litigation not only taxes the financial and emotional resources of those who resort to the courts; in many cases it does not fulfill their true needs and in fact exacerbates tension, hatred and conflict".*

Perkembangan yang sama telah berlaku di negara-negara Asia seperti Jepun, Cina, Korea, Filipina, India, Indonesia, Thailand dan Singapura. Di Malaysia, di kalangan orang-orang Melayu kaedah penyelesaian konflik tidak formal seperti mediasi dan konsiliasi telah lama diamalkan dan ia merupakan sebahagian daripada tradisi dalam agama dan adat mereka. Kaedah ini pada umumnya dikendalikan oleh kalangan ahli keluarga atau institusi ketua masyarakat dalam sesuatu daerah seperti ketua kampung dan penghulu. Sejarah juga telah menunjukkan bahawa stigma masyarakat Melayu yang mengaitkan proses perbicaraan atau kaedah pengadilan mahkamah dengan maruah seseorang menyebabkan amalan ini berkembang di kalangan mereka.

---

<sup>8</sup>Ibid

<sup>9</sup>Aida Othman, [2002] *op.cit.*, 2 *MLJ*, h. ccxxv

Sama seperti negara-negara bekas penjajahan yang lain, Malaysia juga menggunakan sepenuhnya kaedah perbicaraan dalam sistem kehakimannya, meskipun dalam pertikaian berkaitan hal-hal kekeluargaan. Walaupun sebelum reformasi undang-undang dilakukan di sekitar tahun-tahun 80an, Mahkamah kadi berperanan untuk melakukan proses arbitrasi, namun ia hanya terbatas kepada usaha untuk mendamaikan kembali pasangan. Manakala pertikaian yang berbangkit dari perceraian akan diselesaikan secara perbicaraan. Meskipun terdapat para kadi, hakim atau peguam yang berusaha mengadakan suluhan, namun ia dilakukan atas inisiatif mereka sendiri, bukannya kerana peruntukan memberikan mereka bidangkuasa untuk melakukannya. Suluhan juga bukan menjadi keutamaan dalam setiap pertikaian, tetapi hanya sebagai alternatif kepada perbicaraan dan amalan ini pada umumnya berada pada tahap yang cukup minima.

Pada tahun-tahun berikutnya, Mahkamah Syariah dipertikaikan secara berterusan oleh masyarakat dan juga pemimpin negara. Masalah bidangkuasa, ketidakseragaman undang-undang, penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah dan paling utama ialah masalah pengurusan kes yang tidak efisyen sehingga menyebabkan kes-kes tertunggak dalam kuantiti yang tinggi adalah tohmannan yang sering dilontarkan kepada Mahkamah Syariah. Dalam hal ini Mahkamah Syariah dilihat seolah-olah hilang integritinya sebagai institusi pengadilan Islam yang dihormati meskipun sebenarnya bukan semua kesalahan dan kelemahan berpunca dari pihak mahkamah.

Menyedari kelemahan itu Mahkamah Syariah dari semasa ke semasa telah berusaha melakukan reformasi samada dari aspek pentadbiran atau undang-undang. Berbagai-bagai perubahan telah dilakukan untuk menyediakan Mahkamah Syariah sebagai institusi kehakiman Islam yang moden dan dinamik serta bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran masa depan. Dalam aspek pengurusan kes, Enakmen Tatacara Mal Syariah yang telah memperuntukkan sulu untuk menyelesaikan kes-kes mal telah digubal. Begitupun, enakmen ini tidak menetapkan prosedur yang khusus bagi mengendalikan sulu. Oleh kerana itu, untuk memastikan pelaksanaan sulu yang diperuntukkan dalam enakmen tersebut, satu kaedah yang dinamakan Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Sulu telah digubal untuk digunakan dalam pengendaliannya.

Oleh yang demikian, kajian ini perlu membuktikan bahawa sulu ialah metod sejagat yang mengungguli sistem kehakiman Islam dan seterusnya menjadi pemangkin untuk mempercepatkan proses pengurusan kes di Mahkamah Syariah di Negeri Selangor khususnya dan di Malaysia amnya.

### **6.3. Kaedah Pencapaian Sulu dan Kombinasi di antara Sulu dan *Taḥkim***

Sorotan tentang kaedah yang digunakan untuk mencapai sulu memperlihatkan tentang kepelbagaian kaedah yang boleh digunakan dalam usaha mencapai sulu. Selari dengan itu, kaedah-kaedah seperti *musyāwarah*/perundingan, *taḥkim*, *wakālah* dan *wasāṭah*/mediasi telah ditelusuri untuk mengenalpasti kedudukan kaedah-kaedah ini dalam kerangka kekuasaan kehakiman samada dari segi pengendalian, prosedur, keahlian pengantara dan bidangkuasanya.

Kajian ini seterusnya mendapati, bahawa mediasi bukanlah kaedah yang diperkenalkan oleh undang-undang konvensional barat, malah ia sebenarnya telah dikenali di dalam Islam sejak berabad lalu. Cuma, pada ketika itu aplikasinya dilakukan oleh pengantara atau *wasiṭ* yang dikenali sebagai *ḥakam*. Di samping itu, kajian ini juga menunjukkan mediasi (kaedah yang diaplikasikan oleh Mahkamah Syariah sekarang) merupakan metod atau kaedah bagi pencapaian sulh, sama seperti kaedah-kaedah lain iaitu *taḥkīm* dan *wakālah*. Ia bukanlah bermaksud sulh yang sebenarnya menurut fiqh dan bukanlah satu-satunya kaedah yang ada bagi mencapai sulh .

Seperti yang dijelaskan dalam bab yang lalu, sulh pada prinsipnya dapat diadakan samada melalui perundingan antara pihak-pihak terlibat atau melalui intervensi pihak ketiga yang dikenali sebagai pengantara, *ḥakam* atau peguam, malah hakim juga berperanan menganjurkan sulh. Hakikatnya, *taḥkīm* telah pun dikenali di kalangan masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam. Pada zaman pra Islam prosedur *taḥkīm* dikendalikan oleh *wasiṭ*/pengantara yang dikenali sebagai *ḥakam*. Amalan *taḥkīm* pada zaman ini ialah suatu prosedur yang bersifat sukarela (*voluntary*), di mana ia berdasarkan persetujuan pihak-pihak untuk melantik individu tertentu sebagai *ḥakam* dan prosedur tersebut hanya boleh dilaksanakan atas persetujuan bersama pihak-pihak kepada pertikaian itu. Tujuan utama *taḥkīm* ialah untuk menyelesaikan pertikaian secara sulh. Dalam hal ini, Khadduri menjelaskan:

*'The main objective was to settle disputes by peaceful means; but the institution of arbitration was more in the nature of conciliation, by trying to bring the disputing parties into agreement on a settlement through*

*compromise, not necessarily on the basis of determination of which the parties was right*'.<sup>10</sup>

Dalam konteks ini, *ḥakam* dilihat mempunyai dwi fungsi iaitu sebagai pengantara (*mediator*) yang menganjurkan suluhan dan hakim yang menjatuhkan hukuman. Ini bermakna individu yang sama bertindak sebagai mediator dan *ḥakam* yang melaksanakan suluhan dan *taḥkīm*.

Kombinasi suluhan dan *taḥkīm* pada asasnya adalah manifestasi dari surah *al-Nisā'* ayat 35 yang bermaksud:

"Jika kamu bimbang berlaku *syiqāq* di antara keduanya (suami/isteri) maka kirimkanlah seorang *ḥakam* bagi mewakili suami dan seorang bagi mewakili isteri, dan jika mereka mengingini perdamaian/ *īṣlāḥā* nescaya Allah akan memberi taufik kepada kedua-duanya".

Maksud ayat ini menjelaskan bahawa tugas utama *ḥakam* ialah mendamaikan atau mengadakan suluhan. Proses arbitrasi hanya boleh dilakukan jika suluhan gagal dicapai. Suluhan di sini tidak hanya terbatas kepada usaha mendamaikan dengan tujuan menyatukan kembali pasangan tersebut, tetapi ia juga termasuk usaha mendamaikan pihak-pihak dalam pertikaian yang berbangkit dari perceraian. Dalam konteks ini, *ḥakam* berhak menganjurkan suluhan kepada mereka untuk menyelesaikan tuntutan yang berbangkit daripada perceraian.

Kaedah *taḥkīm* menurut Islam jelas berbeza dengan kaedah arbitrasi menurut Undang-undang Komon Inggeris, iaitu arbitrator tidak dibenarkan melaksanakan suluhan

---

<sup>10</sup> Majid Khadduri (1955), *op.cit.*, h. 231

kepada pihak-pihak bertikai, jika arbitrator bertindak sedemikian dia telah menyalahi bidangkuasa yang diperuntukkan kepadanya.<sup>11</sup>

Antara alasan mengapa Undang-undang Komon Inggeris tidak membenarkan arbitrator/*hakam* melakukan sulu/mediasi ialah kerana sangsi atau curiga bahawa *hakam* akan bersikap bias dalam membuat keputusan. Dalam konteks ini, penimbangtara/*hakam* biasanya telah mengambil keterangan dari pihak-pihak pada sesi kaukus (pihak-pihak hadir bersendirian) dan ini bermakna beliau telah mempunyai maklumat awal berkenaan kes itu. Apabila penimbangtara atau pengantara tersebut telah melakukan proses mediasi dan pengantara yang sama pula melakukan proses arbitrasi, ia akan mempengaruhinya dalam memutuskan hukuman. Justeru itu, ketidakadilan mungkin timbul apabila keputusan dibuat. Dengan demikian proses mediasi dan arbitrasi menurut undang-undang konvensional barat ialah dua perkara yang berbeza dan terasing.

Kenyataan di atas jelas menunjukkan, prosedur arbitrasi konvensional lebih bersifat adversarial (permusuhan). Sepertimana kata Syed Khalid Rashid, "*Common Law puts the arbitrator in the straight jacket of an adjudicator, who should remain as such all the time*".<sup>12</sup> Diakhir timbangtara seperti halnya dengan perbicaraan di mahkamah, satu pihak akan menang manakala satu pihak lagi akan kalah. Api permusuhan selalunya berterusan dan sukar untuk dipadamkan

---

<sup>11</sup> Syed Khalid Rashid (2002), *op.cit.*, h. 20

<sup>12</sup> *Ibid*

Di Malaysia, Akta Timbangtara 1952 yang peruntukannya secara jelas menurut undang-undang Inggeris yang lama, tidak mengiktiraf kombinasi antara arbitrasi/*taḥkīm* dan mediasi/sulh. Akta ini tidak memperuntukkan bidangkuasa kepada pengantara atau penimbangtara untuk menganjurkan sulh kepada pihak-pihak bertikai.

Bagaimana pun kecenderungan ini mula berubah apabila *UNCITRAL<sup>13</sup> Model Law of Arbitration* yang terhasil dari Resolusi Persidangan Umum PBB pada 15 Disember 1976, mengadaptasi prinsip-prinsip kombinasi konsiliasi dan arbitrasi. Peraturan Timbangtara 2001 Pusat Serantau Arbitrasi Kuala Lumpur (*Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration - KLRCA*) juga mengiktiraf kombinasi ini dengan menerima pakai *Uncitral Arbitration Rules* untuk prosedurnya. Amalan yang sama juga diterima pakai di negara-negara yang tidak mengamalkan Undang-Undang Komon Inggeris seperti China, Jepun, Korea dan Vietnam.<sup>14</sup> Pada umumnya, kombinasi di antara kedua-dua kaedah ini telah pun diamalkan dalam prosedur penyelesaian pertikaian di negara-negara ini.

Meskipun telah ada peruntukan yang khusus di Mahkamah Syariah di Malaysia mengenai *ḥakam*, namun ia diaplikasikan dalam konteks yang agak sempit. Peruntukan ini tertumpu kepada prosedur *taḥkīm* untuk mendamaikan/sulh dengan tujuan menyatukan (*re-unit*) kembali suami isteri dan jika gagal, *ḥakam* tidak berbidangkuasa untuk menceraikan suami isteri kecuali jika mendapat keizinan dari pasangan tersebut.

---

<sup>13</sup>UNCITRAL (United Nations Commission On International Trade Law)

<sup>14</sup>Syed Khalid Rasyid (2002), *op.cit.*, h. 26-27

Jika perceraian berlaku, tuntutan-tuntutan yang berbangkit daripadanya akan diselesaikan melalui proses perbicaraan. Ironinya, apabila Islam memperuntukkan penyelesaian secara damai/sulh bagi tujuan-tujuan tersebut tetapi mahkamah Syariah telah meninggalkannya dan menggunakan kaedah perbicaraan.

Sesungguhnya, kegagalan Mahkamah Syariah memahami fungsi *hakam* sebagaimana yang dijelaskan, telah menyebabkan institusi *taḥkim* tidak dapat berfungsi sebagai sistem sokongan kepada mahkamah.

Keadaan ini juga merupakan faktor yang menyebabkan proses pengurusan keskes di mahkamah tidak menunjukkan perkembangan yang positif, malah prosedur ini dilihat sebagai penyebab kepada kelewatan yang berlaku dalam proses permohonan perceraian.<sup>15</sup> Lebih malang lagi apabila institusi *taḥkim* yang difahami dalam skopnya yang sempit ini pun tidak dapat berfungsi secara yang sepatutnya, malah fungsi ini ditangani oleh Jawatankuasa Pendamai.

Hakikatnya, pemakaian *taḥkim* dalam konteks yang terbatas ini dilihat agak menyimpang dari konsep asalnya. Secara jelasnya, konsep arbitrasi konvensional dan *taḥkim* menurut undang-undang Islam adalah berbeza.<sup>16</sup> Oleh yang demikian berlandaskan apa yang diamali selama ini, bermakna jangkaan bidangkuasa *taḥkim* didapati sangat sempit serta terhad. Ia seolah-olah hanya terbatas kepada proses sulh untuk menyatukan kembali suami isteri sehingga ayat 35 surah *al-Nisā'* dibaca dan

<sup>15</sup>Laporan Fasa Pertama Kajian Kelewatan Dalam Pengendalian Kes-Kes Perceraian Di Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri Selangor Darul Ehsan (1997-2002), h. 39-40

<sup>16</sup>Sayen (1987) *op.cit.*, h. 238

difahami secara diskriktif dan berbentuk doktrin. Ia juga lebih mengutamakan keputusan kalah-menang atau lebih bersifat adversarial daripada menganjurkan sulh.

Meskipun prosedur sulh/mediasi yang dilaksanakan memberikan impak yang positif dalam pengurusan kes-kes kekeluargaan di Mahkamah Syariah negeri Selangor, namun jika Islam sudah menyediakan mekanisma yang lebih kemas, dengan ruang lingkupnya yang lebih luas dan menepati kehendak semasa, apa istimewanya sistem yang diadaptasi dari barat? Oleh yang demikian adalah lebih relevan memaksimakan pemakaian mediasi menurut acuan yang ditentukan oleh Islam.<sup>17</sup>

Dalam konteks yang lain, menurut prosedur ini (kombinasi mediasi dan *taḥkīm*) jika kes-kes yang diselesaikan menerusi konsiliasi/mediasi gagal mencapai sulh, ia akan dirujuk kepada proses perbicaraan untuk tujuan penyelesaian. Suatu perkara menarik, jika proses penyelesaian dilaksanakan melalui kombinasi mediasi dan arbitrasi atau sulh dan *taḥkīm* berbanding mediasi *per se* ialah, *wasiṭ* atau mediator yang memulakan penyelesaian awal dengan proses sulh/mediasi akan bertukar fungsinya sebagai *hakam*/penimbangtara jika penyelesaian secara sulh gagal dicapai. Ini bermakna dia berhak memutuskan hukuman berdasarkan keterangan yang diambil semasa sesi sulh.<sup>17</sup>

Oleh itu, kes ini tidak perlu melalui proses perbicaraan yang sudah tentu akan melambatkan penyelesaian kerana perlu mematuhi berbagai-bagai prosiding yang

---

<sup>17</sup>Dalam proses sulh tindakan *wasiṭ* diikat oleh undang-undang kontrak, manakala dalam proses *taḥkīm* tindakannya dikawal oleh undang-undang acara.

ditetapkan. Apa yang lebih penting apabila perbicaraan menjadi pilihan, banyaklah kepincangan dalaman yang terpaksa didedahkan di mahkamah. Sebaliknya jika timbangtara/*taḥkim* menjadi pilihan, pendedahan sedemikian dapat dielakkan kerana prosiding timbangtara itu tidak dibuka kepada orang ramai dan perkara yang sulit masih terus dapat dirahsiakan daripada pengetahuan umum.

Dalam hal ini, tidak timbul soal *bias* atau ketidakadilan *ḥakam*/penimbangtara, kerana seseorang yang dilantik dengan menepati syarat-syarat sebagai *ḥakam* semestinya seorang yang layak untuk mengadili. Penimbangtara tentulah sedar dan tahu tentang kewajipan untuk berlaku adil dalam memutuskan hukuman dan tidak akan membiarkan dirinya dipengaruhi oleh emosi atau faktor-faktor sampingan yang lain ketika memutuskan hukuman. Soal samada bilangan *ḥakam* yang mengendalikannya seorang atau dua, bergantung kepada persetujuan pihak-pihak itu sendiri.

Ironi sekali, apabila Mahkamah Syariah di Malaysia tidak mengiktiraf kombinasi suluhan dan *taḥkim*<sup>18</sup>, tetapi negara-negara seperti India, Sri Lanka, Hong Kong dan Singapura telah menerima pakai kombinasi ini. Begitu juga negara-negara seperti Cina, Jepun, Korea dan Vietnam.<sup>19</sup>

<sup>18</sup>Dalam ertikata, pemakaian prosedur ini dalam kes-kes yang berbangkit selepas perceraian. Tidak dinafikan Mahkamah Syariah telah menerima pakai konsep ini (Med-Arb) dalam kes-kes pertikaian suami isteri tetapi hanya untuk tujuan menyatukan kembali pasangan tersebut, kemudian jika tidak berjaya mendamaikan, *ḥakam* berhak memerintahkan perceraian (jika diizinkan oleh pihak-pihak) begitu pun jika terjadi perceraian, *ḥakam* tidak mempunyai bidangkuasa untuk mengadakan suluhan dalam kes-kes yang berbangkit selepas perceraian.

<sup>19</sup>Syed Khalid Rashid (2002), *op.cit.* h. 20. Negara-negara Cina, Jepun, Korea dan Vietnam bukanlah negara Komanwel, oleh kerana itu negara-negara ini tidak menerima pakai Undang-undang Komon Inggeris.

Suatu perkara yang perlu diteliti secara bijaksana ialah menurut undang-undang Islam, di tahap mana pun pertikaian itu berlaku samada di peringkat awal sebelum dirujuk kepada proses pengadilan resmi, semasa pertikaian dirujuk kepada prosiding *tahkim* atau ketika proses perbicaraan sedang berjalan hatta kepada peringkat rayuan sekalipun, usaha untuk mengadakan suluh adalah suatu yang diutamakan. Oleh yang demikian tidak sayugia berlakunya pengasingan di antara suluh dengan prosedur-prosedur tersebut.

Kerana itulah juga prosedur *tahkim/arbitrasi* yang berlaku sekarang lebih menjurus kepada adversarial seperti halnya dengan proses perbicaraan kerana kecenderungan para penimbangtaru untuk memutuskan hukuman berdasarkan konsep kalah-menang daripada mengadakan suluh.

#### **6.4. Suluh /Mediasi Selepas Perceraian**

Dalam konteks suluh bagi tuntutan-tuntutan yang berbangkit selepas perceraian, ia telah pun diamalkan di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia melalui kaedah-kaedah

- Perundingan/*negotiation* di antara pihak-pihak di luar mahkamah dan kemudiannya pihak-pihak memohon kepada mahkamah mengeluarkan perintah penghakiman atas persetujuan bersama;
- Cadangan oleh para peguam yang mewakili pihak-pihak dan;
- Cadangan oleh hakim.

Secara logik, penyelesaian secara suhu melalui kaedah-kaedah di atas sepatutnya memberikan impak terhadap proses pengurusan kes di Mahkamah Syariah, kerana melalui kaedah ini prosedur-prosedur kehakiman dapat dipermudah dan diringkaskan. Meskipun kekurangan kakitangan mahkamah menjadi antara faktor penyumbang kepada kes-kes tertunggak tetapi ia bukanlah faktor yang utama. Sebahagian besar masalah kes tertunggak adalah berpunca dari sistem yang digunakan dalam prosedur kehakiman.<sup>20</sup>

Oleh yang demikian, jika mahkamah syariah melaksanakan prosedur yang mudah, tidak formal serta mengurangkan prosedur perbicaraan yang teknikal dan rumit, sudah tentu perjalanan mahkamah akan menjadi lebih lancar. Ia membolehkan mahkamah mengurangkan tempoh yang diambil untuk menyelesaikan kes. Ini bermakna, penyelesaian kes dapat dilakukan dalam kuantiti yang maksima dan seterusnya mengelakkan lambakan kes yang menyebabkan kes-kes tertunggak!.

Begitu pun, kaedah ini dilihat tidak banyak memberikan impak yang positif di mahkamah syariah. Kenyataan ini dibuktikan melalui statistik kes-kes tertunggak yang semakin bertambah dari setahun ke setahun.<sup>21</sup>

Berdasarkan perbincangan dalam bab keempat, kesimpulan kepada kegagalan ini boleh diklasifikasikan kepada beberapa faktor:

<sup>20</sup>Lihat kenyataan Ketua Hakim Negara dalam Berita Harian Rabu 18/2/04, meskipun kenyataan ini merujuk kepada kes-kes yang tertangguh di Mahkamah Sivil tetapi ia merupakan masalah sejagat yang berlaku di Mahkamah Syariah juga. Lihat juga Laporan Fasa Pertama Kajian Kelewatan Dalam Pengendalian Kes-Kes Perceraian Di Mahkamah-Mahkamah Syariah Di Negeri Selangor Darul Ehsan (1997-2002) Kajian Bersama Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, Mahkamah Syariah selangor, JKSM, JAIS, BBG Malaysia dan UIAM, h. v-vi

<sup>21</sup>Lihat lampiran statistik kes-kes tertunggak dalam tempoh lima tahun bermula 1997-2002

- 1- Suh dilaksanakan tanpa prosedur khusus yang mengatur perjalanannya. Ini bermakna suh dilaksanakan melalui prosedur-prosedur kehakiman yang sedia ada dan dengan demikian tidak terdapat prosedur-prosedur kehakiman yang dipermudah dan diringkaskan. Jika ada usaha untuk mengadakan suh ia hanya berlaku atas inisiatif pihak-pihak sendiri, peguam atau hakim yang membicarakan kes.
- 2- Kebanyakan penyelesaian secara suh hanya dicapai selepas kes tersebut difaiklan untuk dibicarakan. Ini bermakna suh bukanlah proses utama yang diakses oleh pihak-pihak, peguam atau hakim, tetapi ia hanya menjadi alternatif kepada proses perbicaraan
- 3- Penyelesaian secara suh melalui cadangan peguam atau hakim secara umumnya hanya dicapai pada peringkat akhir perbicaraan atau pada peringkat pertengahan malah kadang-kadang pada peringkat rayuan, kalau pun ada pihak-pihak yang bersedia untuk mengadakan suh pada peringkat awal sebelum sesuatu prosiding berjalan, namun kecenderungan ini berada pada tahap yang terlalu rendah.

## **6.5. Rekonsiliasi Dan Konsiliasi**

Kajian ini menunjukkan Mahkamah Syariah juga telah menerima pakai konsep pengasingan di antara amalan rekonsiliasi dan konsiliasi apabila menggubal KTM(S)S 2001, yang hanya memperuntukkan bidangkuasa kepada Pegawai Suh untuk mengendalikan proses suh bagi kes-kes pertikaian yang berbangkit selepas perceraian di samping mengekalkan peruntukan *hakam* dan Jawatankuasa Pendamai

sebagai pengendali proses rekonsiliasi. Amalan sebegini pada hakikatnya didaptasi daripada kaedah mediasi konvensional yang hanya memberikan hak kepada mediator untuk mengendalikan proses konsiliasi dan menafikan haknya untuk menganjurkan rekonsiliasi kepada pihak-pihak dalam proses perceraian. Berbeza dengan konsep suhu menurut Islam, di mana fiqh secara jelas memperuntukkan bahawa suhu merangkumi kedua-dua proses rekonsiliasi dan konsiliasi.

Pada dasarnya kaedah mediasi merupakan akses kepada pihak-pihak bertikai untuk menyelesaikan pertikaian tanpa perlu mendedahkan “keburukan dalaman” (*without too much publicity or mud throwing*) kepada pengetahuan umum seperti yang berlaku dalam kaedah perbicaraan. Mediasi berasaskan kepada prinsip perundingan yang dibantu iaitu pihak-pihak yang bertikai dikehendaki berunding secara langsung dengan kehadiran pihak ketiga, yang membantu mereka menjalankan perundingan itu. Orang tengah ini dikenali sebagai mediator.

Seperti yang telah dijelaskan, kaedah ini telah dikenali di dalam Islam sejak 1400 tahun dahulu, cuma pada peringkat awal, aplikasinya dilakukan melalui *hakam* atau arbitrator yang bertindak sebagai pengantara/*wasiṭ* dalam pertikaian itu.

Menurut undang-undang Islam bidangkuasa *wasiṭ* bukan sahaja terbatas kepada pertikaian yang berbangkit dari perceraian (*conciliation*), malah *wasiṭ* juga bertanggungjawab untuk mendamaikan pasangan tersebut (*reconciliation*) dan mengelakkan dari berlakunya perceraian. Bidangkuasa ini nampaknya tidak diperuntukkan kepada mediator atau pegawai suhu yang mengendalikan proses mediasi di Mahkamah Syariah.

Jika mahkamah beranggapan bahawa fungsi ini telah ditangani sepenuhnya oleh Unit Rundingcara di Jabatan Agama Islam Negeri maka ia merupakan suatu alasan yang agak munasabah bagi semua pihak. Namun demikian, berdasarkan arahan amalan 4/2000 (Pindaan 2002) Panduan Pendaftaran Kes Mal rujukan kepada Unit Rundingcara bukan lagi suatu keperluan.<sup>22</sup> Hakikat ini juga diakui oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Selangor yang juga hakim Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam.<sup>23</sup>

Meskipun dalam banyak hal pihak-pihak bertikai sebenarnya menggunakan mahkamah sebagai akses terakhir (*as a last resort*) untuk menyelesaikan kes mereka, dengan erti kata, mereka sebenarnya telah melalui proses mediasi tidak formal yang dikendalikan oleh pihak-pihak lain seperti ahli keluarga atau imam, dan tidak ingin memberikan peluang lagi kepada kehidupan kesuamiisterian mereka, namun yakinkah kita bahawa kecenderungan ini berada pada peratus yang memuaskan?

Kemungkinan mahkamah mahu mengelakkan implikasi buruk yang timbul sebelum ini hasil dari prosedur yang menetapkan setiap permohonan perceraian mesti melalui proses rundingcara untuk tujuan mendamaikan. Alasan ini agak munasabah bagi kes-kes yang sememangnya tidak berpotensi untuk menerima perdamaian. Namun, apakah mahkamah mempunyai indikasi yang jelas tentang kes-kes yang berpotensi untuk didamaikan ataupun sebaliknya? Jika ada, mahkamah boleh berpuashati dengan mematuhi sepenuhnya arahan amalan yang telah dikeluarkan, tetapi jika sebaliknya bolehkah mahkamah mengambil sikap bahawa semua pihak

---

<sup>22</sup>Dibaca bersama lampiran B Pekeliling Ketua Hakim Syar'ie Selangor 1998-2002

<sup>23</sup>Temubual dengan Pendaftar MTSS pada jam 8.30 pagi, 11hb Ogos 2003

yang datang ke mahkamah tidak memerlukan lagi proses suhu untuk tujuan perdamaian (*reconciliation*)? Dalam konteks ini konklusi yang dibuat oleh The Denning Committee di England amat wajar diteliti:<sup>24</sup>

*"The preservation of the marriage tie is of the highest importance in the interests of society. The unity of the family is so important that, when parties are estranged, reconciliation should be attempted in every case where there is a prospect of success".*

Dalam hal, ini Mahkamah Syariah sebagai institusi pertama yang dituju oleh pihak-pihak yang bertikai sepatutnya menyediakan forum yang sesuai bagi tujuan tersebut. Begitu pun tindakan ini mestilah dilakukan pada peringkat awal sebelum pihak-pihak memfailkan petisyen perceraian<sup>25</sup> dan forum ini boleh dijadikan peringkat tapisan untuk mengklasifikasikan antara kes-kes yang boleh didamaikan dengan kes-kes yang tidak dapat diselamatkan lagi. Adalah penting untuk menyedarkan masyarakat tentang perlunya bersegera untuk mendapatkan khidmat nasihat (*seeking competent advice*) apabila berlaku masalah dalam perkahwinan.

Persepsi dan corak pemikiran pihak mahkamah yang lebih cenderung untuk membawa pihak-pihak yang terlibat dalam kes tuntutan perceraian kearah perdamaian (suhu) walaupun perkahwinan itu tiada harapan lagi untuk diselamatkan haruslah diubah kerana ia banyak menyumbang kepada penanganuhan kes-kes tuntutan

<sup>24</sup>O' Donovan, Katherine (1986), "Conciliation and Reconciliation On Divorce" dalam M.B. Hooker (ed) *Malaysian Legal Essays*, Kuala Lumpur: Malayan Law Journal

<sup>25</sup>Ibid, Pada tahun 1947 The Denning Committee di England yang membuat laporan tentang Procedure in Matrimonial Causes 1947 menjelaskan: "*The prospects of reconciliation are much more favourable in the early stages of marital disharmony than in later stages. At that stage both parties are likely to be willing to co-operate in an effort to save the marriage: but if the conflict has become so chronic that one or both of the parties has lost the power or desire to co-operate further, the prospect sharply diminish*".

perceraian.<sup>26</sup> Dalam maksud yang lebih jelas, mahkamah mestilah mempunyai satu indikasi untuk menentukan jenis-jenis kes yang perlu atau tidak perlu dirujuk kepada proses perdamaian tersebut. Mahkamah juga perlulah menentukan tempoh yang munasabah bagi sesuatu kes diselesaikan untuk memberikan pertimbangan yang adil terhadap semua kes yang dikemukakan untuk tujuan rekonsiliasi.

## **6.6. Impak yang Positif dan Konstruktif dari Pelaksanaan Sulh**

Agak terlalu awal untuk melihat keberkesanan prosedur sulh dalam menguruskan kes-kes kekeluargaan di Mahkamah Syariah, namun demikian dalam tempoh setahun setengah selepas pelaksanaan sulh beberapa kemajuan telah dapat dilihat, antaranya ialah:

### **6.6.1. Sulh Memendekkan Tempoh Penyelesaian Kes**

Dari perbincangan dalam bab yang lepas di dapat bahawa daripada 500 kes yang dikaji, kes-kes berkaitan perceraian ialah kes yang paling banyak diputuskan iaitu sebanyak 423 kes atau 84.6 peratus manakala selebihnya iaitu 77 atau 15.4 peratus ialah kes-kes berkaitan poligami, nafkah anak, mut'ah, nafkah 'iddah, tunggakan nafkah, nafkah isteri, hadhanah dan harta sepencarian dan lain-lain. Dapatkan telah menunjukkan tidak banyak perbezaan tempoh yang diambil untuk menyelesaikan jenis-jenis kes tersebut. Ini bermakna jenis kes yang dituntut tidak memberikan kesan terhadap tempoh yang diambil untuk diselesaikan, kerana secara

<sup>26</sup>Kecenderungan ini berlaku dalam kes-kes tuntutan perceraian atas persetujuan bersama di mana pihak-pihak datang untuk mengesahkan perceraian atau kedua-duanya sudah bersetuju untuk bercerai, cuma datang ke mahkamah bagi mematuhi prosedur yang ditetapkan.

purata semua jenis kes iaitu 438 daripada 500 kes yang dikaji atau 87.6 peratus dapat diselesaikan dalam tempoh tiga bulan. Dapatan ini secara jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan Kaedah Tatacara Mal Sulh telah dapat mempercepatkan proses penyelesaian kes-kes.

Kesimpulan yang sama juga terpakai kepada kes-kes perceraian kerana dalam satu kajian yang dijalankan sebelum ini oleh Sharifah Zaleha mendapati lazimnya kes-kes perceraian dapat diselesaikan dengan tiga kali kehadiran ke mahkamah dan memakan masa lebih kurang tujuh hingga lapan bulan lamanya.<sup>27</sup> Raihanah pula dalam kajiannya di Mahkamah Syariah Negeri Perlis mendapati kebanyakan kes-kes perceraian di negeri itu dapat diselesaikan dalam tempoh tidak lebih daripada enam bulan dengan dua atau tiga kali hadir ke Mahkamah Syariah. Beliau membuat kesimpulan bahawa tempoh yang singkat ini diambil kerana Mahkamah hanya akan melayan permohonan yang sudah melalui proses perundingan. Dengan demikian mahkamah akan membuat keputusan kepada persetujuan yang telah dibuat tanpa melalui proses perbicaraan yang panjang.<sup>28</sup> Manakala kajian yang dilakukan oleh Nik Roslina Raja Ismail menunjukkan secara puratanya Mahkamah Syariah mengambil masa selama 6 bulan setengah sahaja bagi menyelesaikan kes-kes perceraian. Bagaimanapun tempoh ini bergantung kepada beberapa faktor, dan yang paling penting ialah kehadiran pihak-pihak yang terlibat dalam tuntutan tersebut.<sup>29</sup>

<sup>27</sup> Sharifah Zaleha Syed Hassan (1986) "Women, Divorce and Islam in Kedah" dalam *Sojourn*, 2, 1986, h. 195

<sup>28</sup> Raihanah Abdullah (2001), *op.cit.*, h. 118

<sup>29</sup> Nik Roslina Raja Ismail, 'Kajian Perbandingan Mengenai Jangkamasa yang Diambil Untuk Menyelesaikan Kes-Kes Berhubung Perceraian Serta Kekerapan Penangguhan Kes-Kes Di antara Mahkamah Syariah Dan Mahkamah Sivil, Modul Praktikum, *Kursus Diploma Pengurusan Awam INTAN*, 1999, h. 48-49

Dalam hal ini Mahkamah Syariah Selangor telah mencapai perkembangan yang positif dalam usaha meningkatkan prestasinya bagi menguruskan kes-kes perceraian dan ia merupakan suatu perkara yang harus dipuji.

Kajian ini juga mengukuhkan lagi dapatan oleh sebuah jawatankuasa yang membuat Kajian Kelewatan Dalam Pengendalian Kes-Kes Perceraian Di Mahkamah-Mahkamah Syariah Di Negeri Selangor Darul Ehsan (1997-2002) yang telah mengenalpasti bahawa sulu sebagai satu cara mempercepatkan kes perceraian. Laporan itu juga menyebut, dengan perlantikan Pegawai Sulu pada pertengahan 2002 nisbah kes perceraian yang dapat diselesaikan dalam tempoh kurang dari setahun meningkat secara mendadak iaitu sebanyak 36.8% berbanding tahun-tahun sebelumnya iaitu pada tahun 2001 – 4.1%, 2000 – 4.7% dan pada tahun 1999 – 4.3%.<sup>30</sup> Malah kajian ini menunjukkan tempoh yang diambil semakin berkurangan apabila kebanyakan kes perceraian iaitu 375 atau 88.6 peratus daripada 423 kes (100%) diselesaikan dalam tempoh tiga bulan atau kurang dari tiga bulan. Hanya 48 atau 11.3 peratus dari 423 kes yang diselesaikan dalam tempoh melebihi tiga bulan. Walaupun terdapat permohonan bagi kes-kes ta'liq dan fasakh yang pada kebiasaannya mengambil masa yang lama untuk diselesaikan, namun melalui perbincangan antara pihak-pihak yang terlibat, pindaan tuntutan tersebut dibuat dari ta'liq atau fasakh kepada perceraian secara talaq. Persetujuan secara rundingan

---

<sup>30</sup>Laporan Fasa Pertama Kajian Kelewatan Dalam Pengendalian Kes-Kes Perceraian Di Mahkamah-Mahkamah Syariah Di Negeri Selangor Darul Ehsan (1997-2002), Kajian Bersama Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, Mahkamah Syariah Selangor, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Agama Islam Selangor, Biro Bantuan Guaman Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

sebegini merupakan suatu perkembangan yang baik terhadap kes-kes ta'liq atau fasakh.

#### **6.6.2. Mengurangkan kes-kes tertunggak**

Bermula dari pelaksanaannya, dalam tempoh Mei 2002 hingga Disember 2003 dari 2555 kes yang didaftarkan, 1748 atau 68% daripadanya berjaya diselesaikan secara sulu, 666 kes atau 26% memilih perbicaraan dan hanya 141 atau 6 % daripadanya ditangguhkan. Secara jelas statistik ini menunjukkan bahawa pelaksanaan sulu telah menghasilkan impak yang positif kepada sistem pengurusan kes-kes kekeluargaan di Mahkamah Syariah Selangor dan sekaligus menunjukkan pengurangan kepada jumlah kes-kes yang tertunggak.

#### **6.6.3. Kes-Kes yang Paling Berkesan Diselesaikan Secara Sulu**

Jika maksud keberkesanan ini dirujuk kepada kes yang paling banyak diselesaikan, maka kes-kes perceraian ialah kes yang paling berkesan diselesaikan secara sulu. Ini bukanlah suatu yang menghairankan kerana kes-kes perceraian ialah kes yang paling banyak didaftarkan berbanding kes-kes lain.

Daripada 1381 kes (100%) yang didaftarkan<sup>31</sup> sepanjang Januari hingga Oktober 2003 sebanyak 958 atau (69.4%) adalah kes-kes perceraian yang difailkan di bawah seksyen 45, 47, 49, 50 dan 53. Dari 958 kes tersebut, sebanyak 657 atau-

<sup>31</sup> Statistik ini berdasarkan kes-kes yang didaftarkan di MRS Kuala Selangor, Sabak Bernam, Gombak Barat (Kuang), Gombak Timur (Keramat), Klang, Hulu Langat, Sepang, Shah Alam dan Kuala Langat. Di MRS Shah Alam statistik mengikut pecahan kes hanya dibuat bermula Mac hingga Oktober 2003 (lihat perbincangan dalam bab 5 di bawah tajuk Objektif Sulu)

47.6% berjaya diselesaikan secara sulu. Ini menunjukkan kes-kes talaq merupakan jenis kes yang paling banyak dituntut dan paling banyak berjaya diselesaikan secara sulu. Walaupun terdapat permohonan bagi kes-kes ta'liq, khulu'dan fasakh namun melalui perbincangan antara pihak-pihak terlibat, pindaan tuntutan tersebut dibuat dari fasakh, ta'liq atau khulu' kepada pembubaran perkahwinan secara talaq.<sup>32</sup> Manakala kes-kes lain hanya menyumbang sebanyak 424 atau 30.7% dari jumlah keseluruhan kes yang didaftarkan pada Januari hingga Oktober 2003. Dari jumlah tersebut hanya 129 kes atau 9.3% yang berjaya diselesaikan secara sulu.

Namun, jika maksud keberkesanan tersebut dirujuk kepada tempoh yang diambil untuk menyelesaikan sesuatu kes, fakta sebelumnya menunjukkan secara puratanya semua kes diselesaikan dalam tempoh tiga bulan ke bawah.<sup>33</sup> Namun dalam banyak keadaan, keberkesanan ini bergantung kepada beberapa faktor, paling utama ialah kerjasama dari pihak-pihak bertikai samada dengan cara menghadirkan diri semasa sesi perbincangan atau bersedia untuk bertolak ansur atau berkompromi dalam setiap tuntutan.<sup>34</sup>

#### **6.6.4. Mengurangkan Kos yang di Tanggung Klien**

Pada asasnya penyelesaian kes melalui prosedur sulu tidak membenarkan apa-apa bayaran tambahan selain dari bayaran untuk pendaftaran kes. Dengan ertikata lain khidmat mediasi yang diperuntukkan oleh Mahkamah Syariah (*in court mediation*) tidak perlu dibayar yuran perkhidmatannya. Perkara ini secara jelas diperuntukkan

<sup>32</sup>Lihat Kes Mal bil 13-26/2000 MRS Klang.

<sup>33</sup>Lihat perbincangan dalam bab 5, di bawah tajuk tempoh penyelesaian kes

<sup>34</sup>Temubual dengan Pegawai Sulu MRS S.Alam pada 13hb November 2003 jam 10.00 pagi

dalam Seksyen 9 KTM(S)S 2001 iaitu “*tiada apa-apa kos boleh dibenarkan bagi prosiding dalam Majlis Suhu ini*”. Dengan demikian pihak-pihak hanya perlu membayar kos pendaftaran kes.

Jika kes berjaya diselesaikan dengan sekali hadir, ia dapat mengurangkan kos perjalanan pergi balik ke mahkamah. Bagi kes-kes tuntutan sampingan yang dibuat bersama-sama permohonan perceraian ia dapat menjimatkan kos bagi setiap pendaftaran kes berbanding jika tuntutan-tuntutan tersebut dibuat secara berasingan. Contohnya, kes-kes permohonan nafkah ‘iddah, mut’ah, harta sepencarian atau hutang-hutang perkahwinan yang dibuat bersama permohonan perceraian. Pihak yang menuntut hanya perlu membayar kos pendaftaran untuk kes permohonan cerai.

Jika permohonan sampingan seperti nafkah ‘iddah atau mut’ah dibuat secara berasingan pihak plaintif terpaksa membayar kos pendaftaran bagi setiap kes-kes tersebut. Contohnya, jika terdapat lima atau empat permohonan sampingan dan setiap satu memerlukan RM 20 hingga RM 30, maka bayarannya sudah tentu lebih tinggi dari bayaran tuntutan yang dibuat bersekali. Ini tidak termasuk kos perjalanan yang terpaksa ditanggung untuk hadir ke mahkamah bagi setiap kes yang dipohon dan kos mengupah peguam jika pihak-pihak tidak mampu menguruskan kesnya sendiri. Ia juga bergantung kepada kebarangkalian kes tersebut diselesaikan dengan sekali atau dua kali hadir, namun ini bukanlah suatu kenyataan yang pasti. Sharifah Zaleha menyatakan, lazimnya kes-kes perceraian dapat diselesaikan dalam tiga kali hadir dan

ini memakan masa selama tujuh ke lapan bulan.<sup>35</sup> Semua fakta ini pada hakikatnya membuktikan keistimewaan sulu sebagai metod yang dapat mengurangkan kos yang ditanggung oleh litigan.

## **6.7. Kelemahan dan Kekurangan**

Prosedur mediasi meskipun dilihat memberikan impak yang positif dan konstruktif terhadap pengurusan kes-kes kekeluargaan namun demikian beberapa aspek berkaitan pelaksanaannya harus diteliti untuk menghasilkan satu natijah sulu yang bukan sahaja memberikan kepuasan hati kepada pihak-pihak bertikai tetapi juga diredhai oleh Allah s.w.t.

### **6.7.1. Kerelaan, Pelepasan Hak dan Perceraian**

Undang-undang Islam menentukan hanya hak individu atau hak individu yang lebih mendominasi hak Allah s.w.t sahaja yang boleh disuluh. Dalam hal ini, individu mempunyai hak untuk memaafkan atau membuat dakwaan.

Kerelaan pula ialah unsur yang terpenting dalam mana-mana kontrak sulu. Unsur kerelaan atau keredhaan dibuktikan melalui *sighah ijāb* dan *qabūl* di antara pihak menuntut dan pihak yang kena tuntut. Sesuatu persetujuan sulu hanya akan dianggap sah jika kedua-dua pihak redha terhadap persetujuan yang dicapai. Dengan demikian apa-apa persetujuan yang dibuat di bawah unsur paksaan dan tekanan akan dianggap terbatal.

---

<sup>35</sup> Sharifah Zaleha Syed Hassan, (1986) "Women Divorce and Islam in Kedah" dalam *Sojourn*, 2, h. 195

Sesuatu keputusan suluhan perlulah dibuat secara rasional setelah banyak perkara dipertimbangkan dengan teliti. Ia mestilah suatu keputusan yang dibuat bukan secara terpaksa dan terburu-buru. Pihak-pihak haruslah diberikan ruang yang secukupnya untuk menentukan semua perkara yang berhubung dengan prospek masa depan mereka. Oleh yang demikian pihak-pihak tidak seharusnya didesak untuk bersegera membuat keputusan atau mencapai penyelesaian.

Kajian ini mendapati dalam banyak keadaan, pihak-pihak terutamanya wanita sebenarnya tidak sabar untuk menyelesaikan kes mereka.<sup>36</sup> Terdapat sesetengah wanita merungut selepas kes diputuskan oleh mahkamah bahawa mereka sebenarnya tidak berpuashati dengan keputusan yang dibuat. Perasaan terdesak dan tidak puashati ini kadangkala mendorong mereka untuk menarik balik keputusan yang dicapai semasa majlis suluhan.<sup>37</sup>

Hal ini kemungkinan timbul akibat dari tekanan emosi yang dialami akibat dari permasalahan rumah tangga yang mereka hadapi. Kerana itulah dalam kajian ini terdapat kes-kes di mana pihak isteri telah bersetuju untuk melepaskan segala tuntutan-tuntutan berbentuk kewangan semata-mata untuk mendapatkan perceraian dan mempercepatkan penyelesaian, seterusnya melepaskan diri dari permasalahan yang membelenggu mereka.

---

<sup>36</sup> Temubual dengan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Selangor

<sup>37</sup> Lihat kes *Azrina dan Shiriman* di mana plaintif yang sebenarnya terdesak untuk bercerai telah bersetuju menandatangani perjanjian persetujuan dan setelah hakim meluluskan permohonan perceraian plentiful telah menarik balik persetujuan tersebut.

Terdapat juga pihak isteri dalam kes-kes permohonan perceraian terpaksa melepaskan hak yang sebenarnya tidak perlu dilepaskan sebagai ganti untuk mendapatkan hak yang lain. Contohnya pelepasan mut'ah atau nafkah 'iddah untuk mendapatkan nafkah anak yang diberikan hak penjagaan kepadanya. Lebih malang lagi terdapat kes-kes pelepasan hak pemeliharaan dan penjagaan anak kepada bapa dengan tujuan mendapatkan perceraian.

Kenyataan ini menunjukkan pihak isteri dalam keadaan 'terpaksa' menyerahkan haknya dengan tujuan untuk mendapatkan perceraian dari suaminya. Kecenderungan ini memperlihatkan bahawa persetujuan sedemikian adalah dianggap sah oleh mahkamah. Oleh yang demikian permohonan perceraian itu diluluskan dan persetujuan tersebut direkodkan sebagai "penghakiman atas persetujuan bersama". Sedangkan sulu kadangkala berlaku dalam keadaan tertekan, terpaksa atau tiada pilihan. Situasi sedemikian meskipun disedari oleh pegawai yang mengendalikannya tetapi ia tidak direkodkan dalam penghakiman dan lebih jauh lagi ia dianggap sebagai 'atas kerelaan isteri'.

Dalam konteks lain, hak-hak kewangan seperti mut'ah dan sebagainya merupakan hak-hak terkehadapan yang belum menjadi milik pemunyanya secara mutlak. Seperti yang dijelaskan, hak-hak ini hanya akan menjadi milik isteri setelah perceraian berkuatkuasa. Dalam kes-kes sedemikian, perceraian belum berlaku, dan hak-hak tersebut belum sabit kepada isteri, oleh yang demikian bagaimanakah hak-hak ini boleh diluluskan untuk pelepasan? Samada disedari atau tidak penyelesaian sulu ini telah melanggar prinsip-prinsip yang ditentukan oleh syarak.

Sesungguhnya dalam usaha mahkamah menyelesaikan pertikaian dan tuntutan perceraian pihak-pihak yang terlibat melalui sulu, pihak wanita atau isteri kadangkala terpaksa secara sedar atau tidak memberikan persetujuan untuk melepaskan segala tuntutan-tuntutan lain. Persetujuan sebegini sebenarnya dibuat dalam keadaan terdesak atau terikat kepada sesuatu perkara atau keadaan. Situasi ini memperlihatkan wujudnya tekanan dan penganiayaan terhadap wanita tersebut.

Walaupun statistik menunjukkan wanita paling ramai menjadi plaintiff di mahkamah syariah, tetapi perlu diingat bahawa dalam sesetengah kes mereka bertindak sedemikian kerana tidak tertahan dengan penganiayaan yang dikenakan ke atas mereka. Memandangkan undang-undang telah memperuntukkan kepada mereka dengan hak-hak kewangan seperti nafkah ‘iddah, mut’ah, harta sepencarian dan hadhanah maka soal samada mereka ini layak atau tidak mendapat hak-hak tersebut perlulah diputuskan secara bijaksana dan adil.<sup>38</sup>

Meskipun perubahan telah dilakukan kepada sistem yang digunakan untuk memudah serta meringkaskan prosedur-prosedur kehakiman, dalam masa yang sama ia perlulah terus memastikan prinsip keadilan dapat ditegakkan.

Dalam hal ini pandangan al-Imām Mālik yang menegaskan “Aku tidak fikir pemerintah harus memaksa penyelesaian secara sulu kepada pihak-pihak yang

---

<sup>38</sup>Raihanah Abdullah (2001) *op.cit.*, h. 112-20

bertikai atau menolak diadakan perbicaraan semata-mata supaya menerima sulu<sup>39</sup> perlulah diteliti dan diambilkira.

Oleh yang demikian jika penyelesaian secara sulu tidak boleh diadakan atas sebab bukti-bukti yang telah jelas maka keputusan hukuman hendaklah dilaksanakan kepada yang berhak. Dengan lain perkataan beban bukti pihak yang bertikai sepatutnya menjadi asas kepada mahkamah sebelum membuat sesuatu keputusan yang diyakini boleh memberi keadilan kepada pihak-pihak itu. Hakim seterusnya hendaklah melaksanakan penghakimannya ke atas pihak-pihak bertikai berdasarkan bukti-bukti dan keterangan-keterangan yang diberi.<sup>40</sup>

Begitu juga jika pihak-pihak bertikai tidak bersedia untuk menyelesaikan pertikaian secara sulu atau bersedia untuk meneruskan tindakan prosiding itu maka perbicaraan hendaklah dijalankan dan plaintiff dibebani dengan beban pembuktian yang dianggap penting dalam konteks penghakiman di mahkamah.

Oleh itu kajian ini menunjukkan sulu telah diinterpretasikan secara yang salah untuk mengharuskan tindakan-tindakan yang pada asalnya tidak dibenarkan.

<sup>39</sup>, Abd Allāh bin Muḥammad Ibn Aḥmad bin Muḥammad bin Juzay al-Kalabī (1989) *al-Qawānin al-Fiqhīyyah* , cet.2, Beirut: Dār al-Kitāb al-Arabi, h.330, 'Alī Haydār (1991), *op.cit.* J. 12-16, h. 604, Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 5, h. 294

<sup>40</sup> Pandangan ini diberikan oleh Ketua Hakim Mahkamah Syariah Terengganu Dato Dr Abdullah Abu Bakar dalam temubual dengannya pada 30 Disember 2003, jam 2.30 petang.

### **6.7.2. Suhu atas Hak dan Kepentingan Pihak Ketiga**

Prinsip asas fiqh menentukan bahawa antara kes yang boleh diselesaikan secara suhu ialah kes-kes yang menjadi hak mutlak individu yang bertikai. Pihak-pihak tidak boleh melakukan suhu atas hak yang menyangkut kepentingan orang lain atau pihak ketiga kecuali jika diwakilkan oleh pihak-pihak tersebut. Dalam hal ini Al-Imām Ibn Qayyim menjelaskan:<sup>41</sup>

“Suhu diklasifikasikan kepada dua, pertama suhu yang zalim dan ditolak, iaitu suhu menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal, seperti menghalalkan riba, melepaskan kewajipan dan menzalimi atau menganiaya pihak ketiga. Kedua, suhu yang adil dan harus, iaitu suhu yang diasaskan atas keredhaan Allah s.w.t dan keredhaan pihak-pihak yang bertikai. Asasnya ialah kefahaman dan keadilan, iaitu pihak-pihak yang bersuhu faham tentang situasi pertikaian, mengetahui kewajipan masing-masing dan bertujuan mewujudkan keadilan”, seperti yang difirmankan oleh Allah dalam surah al-Hujurat ayat 9: yang bermaksud: “Dan damaikanlah di antara keduanya dengan adil”

Berdasarkan penelitian terhadap fail-fail kes, dapatkan menunjukkan terdapat kes-kes suhu yang diselesaikan menyentuh<sup>42</sup> kepentingan dan hak pihak ketiga terutamanya anak-anak dari perkahwinan tersebut. Kes-kes pelepasan nafkah anak dan pelepasan tunggakan nafkah anak adalah antara kes-kes yang terlibat. Meskipun kes-kes sebegini bukanlah suatu yang lazim, namun pegawai terbabit nampaknya telah terkhilaf apabila membenarkan suhu dilakukan dalam kes-kes sedemikian. Dalam konteks ini pegawai tersebut sepatutnya mempunyai maklumat yang tepat dan komprehensif terhadap kes-kes yang boleh atau tidak boleh diselesaikan secara suhu.

<sup>41</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t), *op.cit.*, j. 1, h. 108-109

## 6.8. Legaliti Suhu

Pada asasnya fiqh menentukan bahawa suhu akan berkuatkuasa selepas pihak-pihak memeterai perjanjian samada secara lisan<sup>42</sup> atau bertulis. Oleh yang demikian salah satu pihak tidak boleh menarik balik atau membatalkan persetujuan yang telah dimeterai kecuali jika kedua-duanya bersetuju untuk membatalkannya.

Begitu pun prosedur menetapkan bahawa perjanjian yang telah ditandatangani ini tidak akan mengikat pihak-pihak kecuali selepas Mahkamah mengeluarkan suatu perintah penghakiman berasaskan persetujuan. Ini bermakna suhu masih memerlukan legaliti mahkamah untuk berkuatkuasa.

Peraturan ini bagaimana pun memperlihatkan adanya ruang bagi pihak-pihak untuk menarik balik persetujuan setelah ditandatangani tetapi belum disahkan oleh hakim. Meskipun prosedur memberikan ruang untuk pihak-pihak menarik balik perjanjian setelah dipersetujui namun mereka seharusnya diperingatkan tentang perlunya mematuhi perjanjian yang telah disepakati, malah telah pun ditandatangani. Pihak-pihak harus diberikan kesedaran tentang perlunya menepati janji yang telah dimeterai dan bahawa mengingkari janji sama dengan keingkaran kepada Allah s.w.t.

Bagaimana pun, dapatan kajian menunjukkan setakat ini kes-kes sebegini tidak banyak direkodkan. Menurut Ketua Pengarah JKSM ia mungkin disebabkan oleh faktor bahawa pihak-pihak sebenarnya tidak menyedari tentang kelonggaran ini.<sup>43</sup>

---

<sup>42</sup> selesainya *ijāb* dan *qabūl*

<sup>43</sup> Temubual dengan Dato' Ketua Pengarah JKSM jam 3.00petang di JKSM Putrajaya

Pandangan ini menunjukkan kebarangkalian kes-kes tarik balik persetujuan suh berlaku masih ada, cuma masa dan keadaan yang menentukan.

Oleh yang demikian selain dari penguatkuasaan undang-undang, pihak-pihak bertikai dan pegawai suh haruslah memastikan bahawa persetujuan yang dicapai merupakan sesuatu yang dibuat atas kerelaan, tolak ansur dan menepati kehendak syarak. Dengan demikian persoalan tarik balik persetujuan tidak akan timbul.

#### **6.9. Kompetensi dan Kuasa Pegawai Suh**

Adalah diakui bukanlah suatu perkara yang mudah untuk mengendalikan litigan yang bermasalah. Namun demikian tidak dinafikan bahawa sebahagian besar kejayaan pelaksanaan suh adalah bergantung kepada kemahiran dan kebijaksanaan pegawai untuk mengawal suasana dan seterusnya membawa pihak-pihak untuk berkompromi dan bersetuju menamatkan pertikaian.

Kajian ini mendapati semua pegawai mempunyai kelayakan ikhtisas dalam bidang Syariah samada dari dalam dan luar negara. Menurut Dato' Sheikh Ghazali kelayakan ini pada prinsipnya merupakan suatu keperluan asas bagi setiap mereka yang berkhidmat dengan Jabatan Kehakiman Syariah.<sup>44</sup>

Begini pun perlantikan mereka yang dibuat secara kontrak dari setahun kesetahun meskipun telah hampir tiga tahun berkhidmat dengan mahkamah tidak harus dipandang remeh. Sumbangan mereka dari segi tenaga, masa, emosi dan

---

<sup>44</sup> Temubual dengan Dato' Ketua Pengarah JKSM pada 12/2/04 jam 2.30 petang

tanggungjawab membantu mahkamah, tidak kurang pentingnya bagi menentukan kejayaan dalam pelaksanaan sulu.

Kejayaan yang ditunjukkan dengan peningkatan peratus kes-kes yang berjaya diselesaikan semenjak pelaksanaan Prosedur Mal (Sulu) dan perlantikan pegawai sulu membuktikan sumbangan besar mereka terhadap mahkamah. Berbanding dengan rakan-rakan mereka yang bertugas sebagai Pegawai Sulu di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan yang meskipun baru dilantik tetapi taraf jawatan mereka adalah tetap, mereka sebaliknya hanya dijanjikan dari setahun ke setahun tentang taraf jawatan tetap, tetapi sehingga kini masih bertaraf kontrak.

Perkembangan terbaru menunjukkan perlantikan pegawai sulu yang baru telah dibuat untuk menampung kekurangan di dua buah mahkamah dan dua daripada pegawai sulu yang lama telah dilantik kejawatan hakim dua di Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam dan di Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat, tetapi jawatan tersebut masih bertaraf kontrak.

Oleh kerana kes-kes yang dikemukakan semakin kompleks dan rumit, pengetahuan dari sudut Undang-undang Syariah sahaja tidak memadai untuk meletakkan kemahiran mereka pada tahap yang membanggakan. Untuk menjadi seorang pegawai yang berkebolehan mereka mestilah juga mempunyai kemahiran-kemahiran sampingan dalam aspek pengantaraan seperti kemahiran komunikasi, atau kemahiran dalam aspek ilmu jiwa seperti psikologi dan kaunseling. Begitu juga dengan kemahiran dalam bidang Undang-undang Sivil yang berkaitan dengan tuntutan-tuntutan harta seperti undang-undang tanah, komersil dan perbankan.

diadakan samada di pihak plaintiff atau defendant dan 14 peratus adalah sebab-sebab lain (contohnya, notis tidak dapat di sampaikan)<sup>47</sup>

Meskipun mempunyai pegawai yang cekap dan prasarana yang lengkap tetapi tanpa komitmen dan kerjasama dari pihak litigan sulh tidak akan mudah dicapai. Adalah penting untuk membangkitkan kesedaran orang ramai tentang kebaikan-kebaikan menyelesaikan pertikaian secara sulh dan dengan demikian mereka akan lebih bersedia untuk bekerjasama bagi menyelesaikan masalah.

## **6.11. Saran**

Setelah melalui beberapa peringkat perbincangan mengenai konsep sulh dan pelaksanaannya di dalam bab-bab yang lalu, beberapa perkara pokok perbincangan telah dapat dikenalpasti dalam kajian ini. Sehubungan itu perkara tersebut perlu diberikan perhatian agar dapat memantapkan lagi pelaksanaan sulh. Untuk tujuan tersebut kajian ini mengemukakan beberapa cadangan berikut:

### **6.11.1 Menginstitusikan Sulh Sebagai Institusi yang Berasingan dari Mahkamah**

Kes-kes tertangguh yang menyebabkan berlakunya lambakan kes memberikan suatu reputasi yang buruk kepada Mahkamah Syariah. Meskipun bukan semua

---

<sup>47</sup>Sebab-sebab tidak adanya persetujuan ini sukar untuk dikenalpasti kerana tidak terdapatnya catatan lengkap tentang asas ketidaksetujuan itu, kebanyakannya Pegawai Sulh tidak mencatatkan asas-asas ini secara lengkap. Namun berdasarkan temubual dengan mereka beberapa faktor telah dikenalpasti : antaranya keinginan plaintiff untuk menerima cadangan daripada defendant atas hak-hak yang dicadangkan seperti tidak bersetuju terhadap kadar pemberian hak kewangan yang dicadangkan oleh plentiful atau defendant, kegoaan dan tidak dapat bertolak ansur. Dalam kes-kes tuntutan yang dibuat berasingan plaintiff atau defendant selalunya tidak bersedia untuk mengadakan sulh kerana berpendapat mereka telah bersedia dari segi mental dan fizikal untuk meneruskan prosiding perbicaraan.

kesalahan itu berpunca dari pentadbiran mahkamah, namun oleh kerana mahkamah menjadi rujukan awal dalam kes-kes kekeluargaan maka kesalahan itu diletakkan sepenuhnya kepada Mahkamah Syariah. Reputasi buruk dan salah faham ini pada dasarnya boleh diminimakan jika institusi sulu diberikan ruang lebih luas serta terbuka, supaya ia dapat berkembang untuk memainkan peranan proaktif dalam membantu menangani masalah pengurusan kes-kes kekeluargaan di mahkamah. Justeru perlu ada satu institusi sulu yang khusus ditubuhkan dan ia hendaklah berasingan dari institusi mahkamah. Fungsinya dapat diperluaskan kepada semua aspek berkaitan pertikaian keluarga dan tidak hanya terhad kepada kes-kes pertikaian yang berbangkit dari perceraian. Dengan demikian jika terdapat kelemahan dan kekurangan dalam pengurusan kes ia tidak lagi dikaitkan dengan kelemahan mahkamah.

Dengan mengasingkan institusi sulu dari mahkamah, stigma masyarakat yang menganggap bahawa “naik mahkamah” ialah suatu yang memalukan juga akan dapat dihapuskan. Ini kerana institusi sulu yang ditubuhkan secara khusus tidak mempunyai kaitan dengan pentadbiran mahkamah. Dengan demikian, masyarakat mempunyai pilihan samada menyelesaikan kes secara damai tanpa perlu mendedahkan segala keburukan dalaman atau sebaliknya. Walaupun pelaksanaan sulu melalui mahkamah (*in court induce*) menghasilkan kesan yang positif, namun tidak dapat dinafikan, adanya tekanan untuk menyelesaikan kes secara cepat, demi untuk mematuhi peraturan mahkamah. Pegawai yang mengendalikannya mungkin secara sedar atau tidak akan mendesak pihak-pihak untuk mencapai persetujuan. Oleh itu, mengasingkan institusi sulu dari mahkamah adalah suatu yang relevan.

### **6.11.2. Mempromosi Sulh Sebagai Alternatif Kepada Perbicaraan**

Untuk menjadikan sulh sebagai kaedah utama penyelesaian pertikaian, usaha yang optimum perlu dilakukan untuk mengetengahkan prosedur ini dan memperkenalkan fungsinya kepada masyarakat. Usaha-usaha ini boleh dilakukan melalui informasi yang berterusan samada melalui media cetak atau media elektronik, seminar-seminar, bengkel dan sebagainya. Hakikatnya, kebanyakan pelanggan mahkamah mendapat maklumat tentang prosedur ini apabila mereka memfailkan kes di mahkamah.<sup>48</sup>

### **6.11.3. Memberikan Penjelasan kepada Masyarakat Islam mengenai Perbezaan di antara Sulh, *Tahkim* dan Mediasi.**

Pada hakikatnya masyarakat Islam di Malaysia masih tidak jelas tentang perbezaan di antara sulh, *tahkim* dan mediasi. Ketidakjelasan terhadap terma-terma ini juga menghasilkan kekeliruan terhadap fungsi yang dilaksanakan oleh Pegawai sulh atau mediator, *bakam* dan Jawatankuasa Pendamai. Terma-terma ini pada dasarnya mempunyai perbezaan yang agak ketara terutama dari segi definisi dan fungsinya. Seperti yang telah dijelaskan terdahulu, sulh ialah matlamat utama yang hendak dicapai, manakala mediasi dan *tahkim* merupakan kaedah-kaedah atau medium untuk mencapai sulh. Untuk mengelakkan kekeliruan dan salah faham terhadap pengertian dan fungsinya, usaha-usaha untuk menjelaskannya perlu dilakukan samada oleh pihak mahkamah sendiri atau pihak-pihak yang bertanggungjawab mengaplikasi prosedur ini.

---

<sup>48</sup>Penjelasan oleh pegawai-pegawai sulh

#### **6.11.4. Memaksimumkan Fungsi *Taḥkīm* dengan Mengaplikasikan Kombinasi Suhu dan *Taḥkīm***

Seperti yang dijelaskan, institusi *taḥkīm* di Mahkamah-Mahkamah Syariah berfungsi dalam skopnya yang sempit dan terbatas. Malah dengan kewujudan peruntukan Jawatankuasa Pendamai ia hampir-hampir tidak berfungsi sebagai sistem sokongan kepada mahkamah. Oleh kerana peruntukannya yang sama (kecuali sedikit perbezaan pada bidangkuasa JKP dan *ḥakam*) maka salah satu daripada peruntukannya perlulah dimansuhkan.<sup>49</sup> Disebabkan peruntukan mengenai *ḥakam* sudah termaktub di dalam al-Qur'an dan hadith adalah lebih *awlā* ia dikekalkan. Walau bagaimana pun fungsinya yang asal haruslah dikembalikan dan diaplikasikan secara yang maksimum, seperti kata Syed Khalid Rashid :

*"an important component of ADR is arbitration. It is suffering with many diseases and need to be cured to bring back its past vitality and beauty".<sup>50</sup>*

Harus difahami bahawa kaedah mediasi yang diadaptasi dari kaedah konvensional barat bukanlah satu-satunya kaedah yang ada untuk mencapai suhu. Memaksimakan pemakaian kaedah-kaedah selain mediasi, seperti kombinasi suhu dan *taḥkīm* membolehkan proses pengurusan kes-kes kekeluargaan berjalan dengan lebih cepat dan lancar. Dalam konteks *taḥkīm*, semangat dan *ruh iṣlāḥ* serta prinsip *ta'āwanū 'alā al-birri wa al-taqwā* haruslah menjadi faktor fundamental bagi *ḥakam* dalam melaksanakan fungsi dan bidangkuasanya.

<sup>49</sup>Cadangan yang sama telah dikemukakan oleh beberapa pengamal undang-undang seperti Tuan Hj Mohd Naim Mokhtar dalam kertas kerjanya yang bertajuk "Perantaraan (Mediation) Secara Islam dan Prospek Amalannya di Mahkamah Syariah" di bentangkan di Seminar Kaedah Alternatif Penyelesaian Pertikaian Menurut Islam pada 5-6 November 2001, Kuala Lumpur: IKIM

<sup>50</sup>Syed Khalid Rashid (2002), *op.cit.*, h. 38

Sehubungan itu, peranan *hakam* dalam menangani pertikaian haruslah berpegang dan bertunjangkan pada acuan prioriti iaitu:

- 1- Mengutamakan seoptima mungkin penyelesaian secara sukarela (*voluntary resolution*). Dalam konteks ini hakam hendaklah berusaha mengajak dan membawa pihak-pihak menuju *ıslāh* atau perdamaian. Usaha *ıslāh* ini hendaklah dilakukan dari tahap awal sehingga keputusan dicapai. Apabila persetujuan secara damai/ sulu telah dicapai, serahkan kepada pihak-pihak terlibat untuk menyusun rumusannya dan kemudian hasil rumusan dijadikan keputusan oleh Majlis *Taḥkim*
- 2- Penyelesaian berdasarkan *taḥkim*

Bila tidak tercapai persetujuan secara sulu /sukarela, hendaklah ditegakkan fungsi dan bidangkuasa *taḥkim* dengan memutuskan keputusan (*arbitral award*) sesuai dengan prinsip untuk menegakkan kebenaran dan keadilan (*to enforce the truth and justice*). Keputusan yang dibuat haruslah bertepatan dengan undang-undang Islam dan haruslah memuatkan alasan yang jelas.

Memandangkan peruntukan tentang *taḥkim* dilaksanakan tanpa suatu prosedur yang tertentu yang mengatur perjalanannya, maka untuk menghasilkan suatu penyelaras dalam pelaksanaannya adalah wajar suatu kaedah tatacara *taḥkim* digubal untuk menjamin keberkesanan pelaksanaannya. Oleh kerana kaedah tatacara sulu telah pun digubal dan digunakan, maka penggubalan kaedah *taḥkim* akan memudahkan pelaksanaan kaedah kombinasi sulu dan *taḥkim*.

Begitu pun selaras dengan prinsip Islam yang amat menggalakkan pendokumentasian, penghuraian dan penjelasan untuk menunjukkan satu cara yang betul dalam tugas dan kehidupan, adalah dicadangkan supaya suatu kod amalan (*code of practice*) bagi *hakam*, yang selari dengan undang-undang Islam digubal. Kod amalan ini haruslah mengandungi perkara-perkara seperti berikut: definisi, penafsiran terma-terma dan syarat-syarat seperti kriteria, latihan, pengendalian dan aspek-aspek lain yang berkaitan.

#### **6.11.5. Fleksibiliti Kuasa Pegawai Suh**

Seksyen 1(2) secara jelas memperuntukkan bahawa Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Suh) Selangor 2001 tidak terpakai bagi sesuatu permohonan untuk mendapat perceraian di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 1984. Peruntukan ini hanya memberikan bidangkuasa kepada pegawai suh untuk menyelesaikan tuntutan-tuntutan yang berbangkit dari perceraian.

Namun dari segi praktikalnya permohonan yang dibuat berkenaan perceraian iaitu permohonan di bawah seksyen 45, 47, 50 dan 52<sup>51</sup> juga diselesaikan secara suh. Ini bermakna dari segi pelaksanaannya ia telah menyalahi prosedur yang ditetapkan, kerana permohonan di bawah seksyen berkenaan sepatutnya di peruntukkan di bawah bidangkuasa *hakam*.

Berdasarkan kenyataan ini, kajian ini mencadangkan supaya pegawai-pegawai suh diberikan kuasa yang agak fleksibel supaya tidak timbul soal melangkaui kuasa

<sup>51</sup> Permohonan di bawah seksyen 52 diselesaikan secara suh dengan cara pihak menuntut menukar permohonan kepada sek 47 (Permohonan Cerai)

yang diperuntukkan. Dengan maksud untuk kembali kepada fungsi asal *wasi'īt* atau pengantara yang mempunyai kuasa untuk menjalankan tugas mengadakan sulh dan jika gagal boleh bertindak sebagai *hakam* yang memutuskan hukuman berdasarkan keterangan yang diterima.


Berdasarkan perkara-perkara 6.2., 6.3 dan 6.11.4. di atas, secara khususnya kajian ini mencadangkan satu carta alir bidangkuasa *hakam* dan pegawai sulh. Cadangan ini berdasarkan;

- (a) Struktur yang menyatukan peranan *hakam* dan pegawai sulh atau berdasarkan
- (b) Struktur yang mengasingkan fungsi *hakam* dan pegawai sulh seperti yang diamalkan sekarang.


Struktur-struktur samada A atau B ini memberikan jaminan penyelesaian secara tertutup kepada pihak-pihak, dari mula kes itu didaftarkan sehingga diselesaikan. Ini bermakna, mereka tidak perlu mendedahkan segala keburukan dalam kepada pengetahuan umum. Keanggotaan kepada proses ini hanya terhad kepada pengantara atau penimbangtara dan pihak-pihak bertikai sahaja.

**Jadual 6.1.(STRUKTUR A- Penyatuan fungsi *hakam* dan Pegawai Sulh)**

i.Bagi kes-kes Permohonan Perceraian di bawah seksyen 45/47 di mana kedua-dua pihak bersetuju untuk bercerai




ii. Bagi Kes-kes permohonan perceraian di bawah seksyen 45/47 di mana salah satu pihak tidak bersetuju untuk bercerai atau ada kemungkinan perdamaian




**Jadual 6.2(STRUKTUR B-Pengasingan Fungsi *Hakam* dan Pegawai Sulh.)**

- (i) Permohonan di bawah seksyen 45/47 di mana pihak-pihak bersetuju untuk bercerai.




(ii) Permohonan di bawah seksyen 45/47 di mana salah satu pihak tidak bersetuju untuk bercerai atau ada kemungkinan perdamaian.



**Jadual 6.3**

(i) Bagi tuntutan-tuntutan yang berbangkit dari perceraian yang di tuntut secara berasingan (contohnya tuntutan mut'ah, nafkah 'iddah, harta sepencarian dan lain-lain)



#### **6.11.6. Kuatkuasa Perjanjian Suhu Selepas Ditandatangani**

Oleh kerana persetujuan suhu yang telah ditandatangani di hadapan pegawai suhu tidak berkuatkuasa, kecuali setelah disahkan oleh hakim, maka kebarangkalian untuk pihak-pihak menarik balik persetujuan tersebut adalah agak tinggi. Adalah suatu yang kurang tepat apabila konsep “suhu berasaskan redha meredhai/sukarela” ditafsirkan sebagai pihak-pihak boleh menarik balik persetujuan tersebut meskipun selepas dipersetujui dan ditandatangani tetapi belum disahkan oleh hakim sebagai suatu perintah penghakiman berasaskan persetujuan!

Untuk mengelakkan kebarangkalian tersebut dan sebagai menepati konsep suhu yang diperuntukkan oleh syarak kajian ini melihat bahawa perlunya pengemaskinian dibuat kepada KTM(S)S 2001 supaya persetujuan suhu yang ditandatangani dihadapan pegawai suhu boleh dianggap sebagai berkuatkuasa meskipun belum disahkan oleh hakim. Justeru kes-kes tarik balik persetujuan yang telah ditandatangani akan dapat dielakkan dan seterusnya mengelakkan kerja yang sia-sia (*fruitless*)!.

Oleh yang demikian Kaedah 6 KTM(S)S 2001 haruslah berbunyi sebagai berikut:

“Jika kedua-dua telah mencapai persetujuan untuk menyelesaikan tindakan itu, keseluruhan atau sebahagian, Pengurus hendaklah menyediakan draf persetujuan dan mengemukakannya kepada pihak-pihak untuk disahkan dan ditandatangani [dan persetujuan itu hendaklah mengikat pihak-pihak dari tarikh dan masa perjanjian tersebut ditandatangani],<sup>52</sup> selepas itu Pengurus hendaklah menyampaikan draf

<sup>52</sup>Perkataan dalam kurungan adalah cadangan tambahan kepada peruntukan dalam Kaedah 6 KTM(S)S 2001

persetujuan tersebut kepada Mahkamah untuk direkodkan sebagai penghakiman atau pengakuan atau persetujuan, mengikut mana yang berkenaan di bawah seksyen 88 Enakmen.

Dalam konteks ini, Pegawai Suhu atau Pengerusi Majlis Suhu hendaklah menjelaskan kepada pihak-pihak terlibat implikasi terma “mengikat” tersebut kepada mereka dan memaklumkan bahawa mahkamah hanya akan merekodkan persetujuan tersebut. Sehubungan itu adalah menjadi tanggungjawab Pegawai sulu atau Pengerusi untuk memastikan bahawa persetujuan dan perjanjian yang dibuat adalah atas dasar yang tepat, adil dan menepati prinsip-prinsip sulu yang ditetapkan oleh syarak.

#### **6.11.7. Kesahan Perjanjian Suhu**

Untuk merealisasikan peruntukan supaya penguatkuasaan perintah sulu bermula apabila segala persetujuan dan perjanjian ditandatangani di hadapan pegawai sulu beberapa faktor yang boleh menjelaskan kesahan sulu tersebut semasa ditandatangani perlulah dilakukan.

Persetujuan-persetujuan untuk mengugurkan hak-hak yang belum menjadi milik pemunyanya secara sempurna, atau membuat persetujuan atas perkara-perkara yang tidak boleh di sulu perlulah dihindarkan.<sup>53</sup> Adalah menjadi tanggungjawab pegawai yang mengendalikan majlis sulu untuk memastikan kesahannya dan mahkamah perlulah mengambil tindakan yang bijaksana untuk menjamin keadilan kepada pihak-pihak yang bertikai.

---

<sup>53</sup> Contohnya kes-kes suami mensyaratkan isteri mengugurkan hak penjagaan anak untuk mendapat perceraian

Meskipun perkara ini boleh dielakkan dengan membuat perjanjian terbuka iaitu dengan cara tidak mencatitkan perkara-perkara yang dipersetujui untuk digugurkan dan hanya mencatitkan persetujuan atas perkara-perkara yang dipersetujui untuk diberikan, untuk memberikan peluang kepada pihak isteri terutamanya untuk membuat tuntutan pada masa akan datang, tetapi ia umpama “tindakan menyembunyikan fakta” yang akhirnya akan diketahui helahnya oleh pihak yang berkenaan (pihak suami atau defendant). Oleh yang demikian adalah lebih munasabah untuk memastikan bahawa perjanjian ini dipersetujui secara redha oleh kedua-dua pihak tanpa rasa tertekan atau terpaksa. Dengan itu perkara-perkara seperti tarik balik persetujuan tidak akan berlaku.

#### **6.11.8. Peningkatan Profesionalisma Pegawai Suh**

Adalah diakui bahawa pegawai yang berilmu dan berkemahiran adalah signifikan dengan keberkesanan dan kejayaan prosedur suluhan. Dengan demikian kelayakan dari segi undang-undang Islam sahaja belum memadai untuk memantapkan lagi tugas-tugas pengantaraan. Malah pengetahuan mereka tentang Undang-undang Islam juga perlu dipertingkatkan untuk mengelakkan kekhilafan dalam memutuskan kes-kes yang dirujuk kepada Majlis suluhan. Oleh itu kajian ini mendapati keperluan kepada peningkatan ilmu dan pengetahuan berkaitan Undang-undang Islam secara berterusan adalah relevan dengan tugas yang dipertanggungjawabkan terhadap mereka. Ia boleh dilakukan samada secara bersendirian oleh pegawai-pegawai terbabit atau melalui program-program *tafaqquh* yang dianjurkan dari semasa ke semasa oleh badan-badan berkaitan seperti ILIM dan lain-lainnya.

Di samping itu keperluan terhadap latihan yang berterusan tentang aspek-aspek berkaitan pengantaraan perlulah diberikan dari semasa kesmasa. Meskipun telah menjalani latihan pada peringkat awal perlantikan, tetapi untuk menguasai tahap kecekapan yang lebih tinggi mereka perlu menjalani proses menambah, mendalam dan memahami dunia pengantaraan serta menguasai pelbagai kemahiran melalui latihan-latihan yang dibentuk oleh Jabatan Kehakiman Syariah dari semasa ke semasa. Dengan berlakunya perubahan di dalam masyarakat pada amnya dan bidang pengantaraan khususnya, para pegawai perlu mengemaskinikan tahap profesionalismanya secara berterusan menerusi kursus-kursus dalam perkhidmatan.

Oleh kerana kes-kes yang dirujuk ke Mahkamah Syariah tidak terbatas kepada aspek-aspek berkaitan Undang-Undang Islam sahaja, malah menyentuh aspek berkaitan undang-undang konvensional seperti kehartaan, perbankan dan tanah, maka pengetahuan dan kemahiran dari aspek undang-undang konvensional yang berkaitan harus juga dimantapkan. Oleh yang demikian Mahkamah perlu memberi dan menyediakan ruang kepada pegawai-pegawai untuk memantapkan tahap profesionalisma mereka, dengan menghadiri kursus-kursus yang berkaitan dengan kemahiran pengantaraan dan undang-undang. Mereka juga boleh dihantar untuk melanjutkan pelajaran dari semasa ke semasa

#### **6.11.9. Taraf Jawatan Pegawai Sulh**

Meskipun semua Pegawai Sulh masih baru (*junior*) dalam bidang pengantaraan ini, namun mereka telah dapat mengendalikan kes dengan baik. Ini dapat dibuktikan dengan pencapaian mereka dalam meningkatkan jumlah kes yang dapat diselesaikan

dalam tempoh yang singkat dan seterusnya mengelakkan berlakunya penangguhan kes. Oleh kerana sumbangan yang besar terhadap kejayaan meningkatkan prestasi pengurusan kes-kes kekeluargaan di Mahkamah Syariah, maka taraf jawatan Pegawai Suh yang masih lagi di peringkat kontrak haruslah di pertimbangkan. Sebagai suatu apresiasi terhadap sumbangan mereka membantu mahkamah, sewajarnya mereka diberikan taraf jawatan tetap. Mereka bukan sahaja menyumbang kepada kejayaan, malah sudah berkhidmat dalam tempoh yang agak lama (tiga tahun) dengan mahkamah. Pemberian taraf tetap ini bukan hanya sekadar penghargaan tetapi ia lebih kepada suatu tanggungjawab majikan terhadap pekerjanya.

## **6.12. Penutup**

Kajian ini pada asasnya cuba mengetengahkan suh sebagai kaedah sejagat dalam menyelesaikan pertikaian keluarga. Di samping menjelaskan teori asal suh menurut perundangan Islam kajian ini juga cuba melihat aplikasinya dalam sistem kehakiman syariah di Malaysia. Ternyata, terdapat beberapa kesukaran untuk meninjau aplikasinya secara yang lebih menyeluruh keranakekangan peraturan dan kesukaran mendapatkan data-data lengkap mengenai beberapa perkara, terutama berkaitan perjalanan prosedur tersebut dan statistik kes-kes.

Namun setakat kajian ini, tertakluk kepada kekurangan yang ada, pelaksanaan suh telah menunjukkan hasil yang positif terhadap pengurusan kes-kes kekeluargaan. Sebagai suatu kaedah dalam menyelesaikan pertikaian, suh dilihat sebagai sangat sempurna dan mampu menjadi kaedah unggul yang menjadi keutamaan dalam menguruskan kes-kes kekeluargaan di Mahkamah Syariah. Dengan pencapaian yang

memuaskan dalam tempoh lapan belas bulan selepas pelaksanaannya, kaedah ini membuktikan ia berupaya menjadi alternatif kepada sistem perbicaraan. Tinggal lagi beberapa kelemahan dalam pelaksanaannya perlulah diperbaikti dan dikemaskini untuk memantapkan lagi perjalanan prosedur tersebut. Ini kerana, matlamat utama pelaksanaan suhu bukan sahaja untuk menjimatkan masa dan memenuhi kehendak kedua belah pihak, malah memastikan kes dapat diselesaikan mengikut prinsip-prinsip hukum yang ditetapkan dan seterusnya mendapat keredaan Allah s.w.t.

Meskipun peruntukan KTM(S)S 2001 tidak mengandungi elemen yang bertentangan dengan hukum syarak,<sup>54</sup> namun dari aspek pelaksanaannya beberapa kekurangan dan penyimpangan dari konsep asalnya telah dapat dikenalpasti. Antaranya ialah pemakaian sulu dalam kes-kes yang tidak dibenarkan dan kewujudan unsur manipulasi dan paksaan dalam proses mencapai persetujuan. Di samping itu KTM(S)S 2001 hanya memperuntukkan proses sulu dengan tujuan mendamaikan pihak-pihak dalam pertikaian yang berbangkit dari perceraian (*conciliation*) tanpa melibatkan usaha sulu untuk tujuan medamaikan kembali pasangan (*reconciliation*), sedangkan amalan sulu dalam Islam pada hakikatnya mencakupi kedua-dua aspek tersebut. Persetujuan sulu yang memerlukan endosmen mahkamah untuk mensabitkan sesuatu keputusan, juga jelas menunjukkan bahawa ia bukanlah manifestasi kepada amalan sulu yang dipraktikkan dalam undang-undang Islam. Oleh itu, kajian ini menyimpulkan bahawa perlantikan Pegawai Sulu dan penggubalan KTM(S)S 2001 hanyalah sebagai satu mekanisma untuk mematuhi kehendak

<sup>54</sup>Lihat juga Kod Etika dan Manual Kerja Sulu yang menjelaskan tentang perjanjian penyelesaian yang dibuat mestilah tidak mengandungi apa-apa terma yang bertentangan dengan hukum Syara'

peraturan yang tercatat dalam Enakmen Tatacara Mal Syariah (Sel) 2003 dan membantu para hakim menguruskan kes-kes kekeluargaan di mahkamah syariah.

Oleh kerana kajian ini ialah sebuah kajian yang lebih bersifat eksploratori dan suluhan merupakan produk yang baru diperkenalkan maka terdapat beberapa aspek yang belum disentuh dan memerlukan penelitian secara lebih ditil dan terperinci. Walaupun kajian ini mengenalpasti suluhan sebagai satu cara yang mempercepatkan pengurusan kes-kes kekeluargaan namun ia lebih merupakan suatu tanggapan awal berdasarkan fakta-fakta semasa yang agak terhad dan statistik penyelesaian kes yang diperolehi daripada mahkamah.

Kajian ini bagaimana pun tidak melihat aspek keberkesanan pelaksanaan perintah berdasarkan persetujuan suluhan yang dibuat. Walaupun kajian menunjukkan pihak-pihak bersedia membuat persetujuan atas perkara-perkara yang dipertikaikan namun sejauhmana mereka mematuhi perintah persetujuan yang dikeluarkan oleh mahkamah tidak disentuh dalam kajian ini. Berdasarkan penelitian terhadap buku daftar suluhan terdapat kes-kes di mana pihak-pihak (terutamanya wanita) memohon penguatkuasaan perintah mahkamah terhadap kes-kes yang diputuskan secara suluhan. Kajian ini juga tidak dilakukan untuk melihat keberkesanan prosedur ini dari perspektif pelanggan. Adalah dicadangkan satu kajian yang menyeluruh dilakukan dalam aspek yang berkenaan untuk menghasilkan satu dapatan yang lebih komprehensif mengenai pelaksanaan suluhan.